

## GARIS PANDUAN PERMOHONAN GERAN UM -LiTeR

### **UNIVERSITI MALAYA LEARNING IMPROVEMENT AND TEACHING ENHANCEMENT RESEARCH 2019**

<b>1.0 PENGENALAN</b>	<i>Universiti Malaya Learning Improvement and Teaching Enhancement Research (UM-LiTeR)</i> yang bertujuan bagi membangunkan keserjanaan tenaga pengajar dalam bidang pengajaran dan pembelajaran melalui penyelidikan. Ianya merangkumi penyelidikan terhadap idea baharu atau usaha penambahbaikan pelbagai aspek dan bidang yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Geran <b>UM-LiTeR</b> diwujudkan bagi menyediakan satu landasan kepada pensyarah UM untuk menguji cuba (experimenting) kebolegunaan, kesesuaian dan keberkesanan idea-idea baharu untuk tujuan peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran secara empirikal.	
<b>2.0 KELAYAKAN PEMOHON</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Permohonan geran penyelidikan UM-LiTeR terbuka kepada staf akademik UM (tetap dan kontrak).</li><li>2. Penyelidik dibenarkan mengetuai hanya SATU (1) projek penyelidikan UM-LiTeR sahaja pada sesuatu masa sehingga penyelidikan itu tamat.</li><li>3. Ketua Penyelidik geran UM-LiTeR 2016, 2017 &amp; 2018 yang telah menerima geran terdahulu tidak dibenarkan untuk memohon tetapi boleh menganggotai kumpulan penyelidik.</li><li>4. Pensyarah yang sedang cuti sabbatical dan cuti belajar tidak dibenarkan untuk memohon atau menganggotai kumpulan penyelidik.</li><li>5. Pensyarah pelawat tidak boleh mengetuai tetapi boleh menjadi ahli penyelidik.</li></ol>	
<b>3.0 DANA PERUNTUKAN</b>	<b>Kursus</b>	RM 5,000 (maksima)*
	<b>Program</b>	RM 5,000 (maksima)*
	<b>* Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada peruntukan setiap tahun</b>	
<b>4.0 TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN</b>	Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah selama 12 bulan sahaja.	

<p><b>5.0 TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN</b></p>	<p>Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADeC) akan mengumukan pembukaan permohonan peruntukan ini secara umum pada bulan Julai 2019.</p>
<p><b>6.0 SKOP/BIDANG TUJAHAN</b></p>	<p><b>Bidang tujuhan yang dikenalpasti ialah</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (Teaching and Learning Methods)</li> <li>2. Scholarship of Teaching and Learning (SoTL)</li> <li>3. Action Research</li> </ol> <p><b>Tema</b> Personalised Learning</p>
<p><b>7.0 SYARAT &amp; PERATURAN PERMOHONAN</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bilangan penyelidik bagi setiap permohonan adalah dicadangkan seperti berikut Kursus – maksima 3 penyelidik Program / institusi – maksima 5 penyelidik</li> <li>2. Penyelidik (atau wakil) adalah <b>diwajibkan</b> menghadiri taklimat geran <b>UM -LiTeR</b> untuk di pertimbangkan bagi pemberian geran tersebut.</li> <li>3. Semua permohonan perlu dibuat menggunakan Borang Permohonan Geran <b>UM -LiTeR</b> seperti berlampir dan dikemukakan kepada ADeC untuk saringan sebelum atau pada 9 Ogos 2019 (Jumaat).</li> </ol>
<p><b>8.0 KRITERIA PENILAIAN</b></p>	<p>Pemilihan pemberian Geran <b>UM -LiTeR</b> oleh Panel Penilai adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengetahuan dan pendedahan dalam modul berkaitan pengajaran dan pembelajaran sama ada melalui latihan yang disediakan oleh pihak ADeC atau pihak luar.</li> <li>2. Mempunyai soalan projek dan matlamat projek yang jelas.</li> <li>3. Impak kajian terhadap penambahbaikan pembelajaran /pengajaran/kursus/program dsb.</li> </ol>

<p><b>9.0 PELAKSANAAN</b></p>	<p>Penyelidik diwajibkan melaksanakan 3 fasa yang berikut. Pemilihan penerima Geran <b>UM -LiTeR</b> akan dibuat oleh panel penilai yang dilantik oleh pihak ADeC dan keputusan adalah muktamad. Setiap permohonan Geran <b>UM -LiTeR</b> yang berjaya akan diberi peruntukan maksima sebanyak RM5,000 di peringkat kursus dan program untuk tempoh 12 bulan.</p> <p><b>Fasa 1- Analisa Keperluan (1-2 bulan)</b>  Mengenalpasti isu/masalah dan keperluan end-users (cth. Pelajar, Kursus, Kurikulum, Bahan Bantuan Mengajar dsb).</p> <p><b>Fasa 2 - Rekabentuk &amp; Pembangunan (1-2 bulan)</b>  Mereka bentuk dan membangunkan/menghasilkan inovasi/idea dalam bentuk yang boleh diuji cuba/produk pembelajaran dan pengajaran dengan mengambil kira input dari Fasa 1 dan input dari pakar dalam bidang berkaitan. Menghantar kertas cadangan kajian bagi penilaian oleh panel Geran <b>UM -LiTeR</b> ke ADeC.</p> <p><b>Fasa 3 - Pelaksanaan/Pengujian &amp; Penilaian (1 semester/ 6 bulan)</b>  Menjalankan kajian dan menguji cuba kaedah untuk sekurang-kurangnya 1 semester (cth. Melalui Ujian-Pra &amp; Ujian-Pasca) untuk menilai keberkesannya. Penilaian juga dibuat untuk mendapatkan pandangan <i>end-users</i> mengenai kebolegunaan dan kesesuaian aplikasi kaedah/idea/produk berkenaan.</p> <p>Sepanjang pelaksanaan, pemegang Geran <b>UM -LiTeR</b> adalah diwajibkan menghadiri bengkel bersama pakar bagi memastikan kajian yang dijalankan adalah terkawal dan menuju kearah hasil dapatan kajian yang dihasratkan.</p> <p>Pemegang Geran <b>UM -LiTeR</b> adalah diwajibkan menghasilkan dapatan kajian dalam bentuk penulisan dan beberapa bentuk yang lain yang dipersetujui oleh pihak ADeC.</p> <p>Selain output dalam bentuk penerbitan, seminar <b>UM -LiTeR</b> akan diadakan sekali setiap tahun untuk memberi peluang kepada kumpulan penyelidik yang terlibat membentangkan hasil <b>UM -LiTeR</b> masing-masing di peringkat universiti/nasional.</p>
-------------------------------	---

<p><b>10.0 PERATURAN KEWANGAN</b></p> <p>Semua urusan kewangan adalah tertakluk kepada Polisi Kewangan daripada Bendahari Universiti Malaya. Peruntukan yang dipohon bagi setiap vot perlu disenaraikan secara terperinci/lengkap dan dilampirkan sebutharga.</p>	<p><b>Vot 11000</b></p> <p>Upah &amp; Elaun untuk melantik Penolong Penyelidik Siswazah (GRA) atau Penolong Penyelidik (RA)</p>	<p>Upah dan elaun untuk membiayai seorang GRA atau RA dengan mengikut Garis Panduan yang digunapakai oleh Universiti Malaya.</p>
	<p><b>Vot 21000</b></p> <p>Perjalanan dan Pengangkutan</p>	<p>Perbelanjaan perjalanan untuk menjalankan kerja lapangan dalam negeri sahaja yang dibenarkan menggunakan peruntukan ini.</p>
	<p><b>Vot 24000</b></p> <p>Sewaan</p>	<p>Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan</p>
	<p><b>Vot 27000</b></p> <p>Bekalan dan Bahan Penyelidikan</p>	<p>Perbelanjaan bagi pembelian bekalan/bahan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja.</p>
	<p><b>Vot 28000</b></p> <p>Baik pulih kecil dan Ubahsuai</p>	<p><b>TIDAK DIBENARKAN</b></p>
	<p><b>Vot 29000</b></p> <p>Perkhidmatan Ikhtisas</p>	<p>Pembayaran honorarium kepada Penolong Penyelidik sahaja yang membantu dalam kerja lapangan.</p>
	<p><b>Vot 35000</b></p> <p>Peralatan</p>	<p><b>TIDAK DIBENARKAN</b></p>

<b>11.0 LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN</b>	<b>Laporan Kemajuan</b>	Laporan Kemajuan perlu diemel kepada ADeC ( <a href="mailto:adec@um.edu.my">adec@um.edu.my</a> ) atau dihantar dalam tempoh 6 bulan dari tarikh mula projek, ke alamat berikut:  <b>Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADeC)</b> Aras 2, Bangunan High Impact Research (HIR), Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur
	<b>Laporan Akhir</b>	Laporan Akhir perlu diemel kepada ADeC ( <a href="mailto:adec@um.edu.my">adec@um.edu.my</a> ) dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh tamat projek, ke alamat berikut:  <b>Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADeC)</b> Aras 2, Bangunan High Impact Research (HIR), Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur
<b>12.0 PELANJUTAN TEMPOH PROJEK</b>	Setiap permohonan pelanjutan tempoh projek perlu dilampirkan bersama dokumen berikut:  (1) Laporan Kemajuan yang terkini. (2) Maklumat aktiviti Penyelidikan bagi tujuan pelanjutan tempoh projek yang dipohon. (3) Maklumat status Pencapaian Milestone ( <i>gantt chart</i> ) projek (berdasarkan <i>milestone</i> di dalam proposal asal).  Permohonan pelanjutan tempoh projek hanya akan dipertimbangkan bagi projek yang telah mencapai 50% prestasi projek dan 70% jumlah perbelanjaan peruntukan semasa. Tempoh maksimum kelulusan hanya untuk 6 bulan sahaja dari tarikh akhir projek.	

<b>13.0 HASIL PENYELIDIKAN</b>	<p>Pemegang Geran <b>UM -LiTeR</b> adalah diwajibkan menghasilkan dapatan kajian dalam bentuk penulisan dan beberapa bentuk yang lain yang dipersetujui oleh pihak ADeC. Selain <i>output</i> dalam bentuk penerbitan, pemegang geran juga diwajibkan untuk membentangkan hasil penyelidikan di seminar <b>UM -LiTeR</b> yang akan diadakan setiap tahun untuk memberi peluang kepada kumpulan penyelidik yang terlibat berkongsi hasil <b>UM -LiTeR</b> masing-masing di peringkat universiti/nasional.</p> <p>Bukti penerbitan perlu dikemukakan ke Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan setelah ia diterbitkan (tidak semestinya dalam tempoh geran aktif).</p>
------------------------------------	--

*Dikemaskini pada 22 Julai 2019*